

31 JAN 1997

Nik Aziz-Sokong

NIK AZIZ SOKONG TINDAKAN TERHADAP PUSAT HIBURAN

JELI, 31 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat menyokong cadangan kerajaan pusat mengarahkan setiap negeri mengambil tindakan tegas terhadap pusat-pusat hiburan yang terlibat dengan pengedaran dadah dan berunsur maksiat.

Nik Aziz memberitahu kerajaan pusat juga sepatutnya berhati-hati terhadap penganjur yang ingin membuka pusat-pusat hiburan kerana ia merupakan taktik golongan kapitalis yang ingin mengaut keuntungan dan melalaikan golongan belia Islam.

Kerajaan Kelantan telahpun mendahului negeri-negeri lain dengan menutup pusat-pusat hiburan seperti itu dan nampaknya ia memberi kesan positif kepada perkembangan sihat sosial rakyat di negeri ini," katanya kepada para pemberita selepas menghadiri majlis bersahur di masjid kampung Bukit Lakota dekat sini, pagi tadi.

Beliau diminta mengulas mengenai arahan kerajaan pusat itu dan juga langkah beberapa kerajaan negeri yang menghadkan waktu operasi pusat-pusat seperti itu ke 12 tengah malam ataupun 1 pagi sebagai satu daripada langkah mengawal masalah sosial.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata, undang-undang akan digubal bagi membolehkan pemilik ataupun pengurus pusat-pusat hiburan seperti itu diambil tindakan jika terlibat dalam pengedaran dadah semasa menjalankan operasi mereka.

Kerajaan Kelantan hanya akan mengekalkan beberapa pusat rekreasi dan pusat pelancongan yang bercirikan alam semula jadi sebagai pengganti pusat-pusat hiburan, katanya.

Menurut beliau, selain dapat menenangkan fikiran ia juga dapat menghindarkan golongan belia daripada terjebak dengan pusat-pusat hiburan ciptaan golongan kapitalis.

Sementara itu mengulas tentang konsep kongsi perayaan Aidil Fitri dan Tahun Baru Cina beliau meminta masyarakat Islam supaya berhati-hati menghayati konsep sebenar.

Walaupun perayaan itu serentak tetapi umat Islam diingatkan supaya menyambut secara sederhana dan bersesuaian dengan ajaran Islam, katanya. --

BERNAMA

ZT PR